



NEWSLETTER


KEPENDUDUKAN SARAWAK



JUMLAH PENDUDUK & KADAR PURATA PERTUMBUHAN TAHUNAN

- Sarawak mencatatkan anggaran jumlah penduduk seramai 2.9 juta dengan kadar pertumbuhan 2.0% pada tahun 2019.
- Daerah Kuching merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi iaitu 702.7 ribu, mewakili 24% daripada jumlah penduduk Sarawak diikuti oleh Miri dengan 352.3 ribu (12%) dan Sibiu seramai 284.6 ribu penduduk (10%). Baki 28 daerah, masing-masing mencatatkan jumlah peratusan penduduk di bawah 10%.

Penduduk dan Kadar Pertumbuhan Sarawak 1970 - 2019




Rajah 1: Penduduk dan Kadar Pertumbuhan Sarawak 1970 - 2019

Sumber: Buku Perangkaan Tahunan Sarawak 1971,1981,1992,2001,2011,2019

Nota: e = anggaran




Jumlah Penduduk dan Kadar Pertumbuhan Penduduk Sarawak 2010 & 2019



Graf 1: Jumlah Penduduk dan Kadar Pertumbuhan Purata Penduduk 2010 & 2019


STRUKTUR & KUMPULAN UMUR

Struktur Umur Penduduk Sarawak



Graf 2: Struktur Umur Penduduk Sarawak

Bilangan Penduduk mengikut kumpulan umur, 2010 & 2019




Graf 3: Bilangan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur 2010 & 2019

Terdapat 3 struktur umur iaitu umur muda (<15 tahun), umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (>64 tahun). Pada 2019, komposisi penduduk umur bekerja mewakili sebanyak 68.6% daripada jumlah penduduk, iaitu peningkatan daripada 65.6% pada tahun 2010. Penduduk umur muda merupakan kumpulan umur kedua terbesar iaitu 24.0% dan mengalami penurunan daripada 28.8% pada 2010. Peningkatan turut dilihat pada kumpulan umur tua iaitu 7.5% berbanding hanya 5.6% pada 2010. Tren tersebut menunjukkan negeri Sarawak mengalami pengurangan penduduk dalam struktur umur muda dan data 2019 menunjukkan bahawa Sarawak boleh diklasifikasikan sebagai negeri tua kerana telah mencapai lebih 7.0% golongan umur tua. Tren ini juga boleh dilihat pada pecahan kumpulan umur bagi tahun 2010 dan 2019 di mana kumpulan umur muda menunjukkan pengurangan manakala kumpulan umur bekerja dan umur tua menunjukkan peningkatan seperti pada rajah di atas

Sumber: Buku Perangkaan Tahunan Sarawak 1971,1981,1992,2001,2011,2019

KADAR KELAHIRAN DAN KEMATIAN KASAR


- Kadar kelahiran kasar menunjukkan penurunan daripada 16.7 pada tahun 2010 kepada 13.3 pada tahun 2018 bagi setiap 1000 penduduk.
- Pada tempoh yang sama, kadar kematian kasar mencatatkan peningkatan 5.0 kematian bagi setiap 1000 penduduk, berbanding 4.2 kematian bagi setiap 1000 penduduk pada tahun 2010.
- Kadar kelahiran kasar merekodkan penurunan pada momentum yang lebih pantas berbanding peningkatan kadar kematian kasar dengan kadar yang lebih perlahan.



Graf 4: Kadar Kelahiran dan Kematian Kasar

JANGKA HAYAT

- Jangka hayat bagi perempuan di Sarawak menunjukkan peningkatan daripada 76.8 tahun pada tahun 2010 kepada 78.4 tahun pada tahun 2019. Jangka hayat lelaki turut meningkat daripada 71.7 tahun kepada 74.6 tahun pada tahun 2019.
- Sarawak merupakan negeri dengan jangka hayat tertinggi bagi lelaki pada tahun 2019



Graf 5: Jangka Hayat Ketika Lahir Mengikut Jantina 2010-2019

Sumber: Buku Perangkaan Tahunan Sarawak 2001,2011,2019


KADAR KESUBURAN

- Pada tahun 2018, kadar kesuburan jumlah bagi Sarawak menurun kepada 1.6 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun berbanding 1.7 pada tahun 2017.
- Sarawak mencatatkan kadar kesuburan jumlah berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) bagi tahun 2013 hingga 2018.



Graf 6: Kadar Kesuburan (setiap wanita berumur 15-49 tahun) 2010-2018

KADAR MIGRASI



Graf 7: Bilangan Migran dan Kadar Migrasi Sarawak 2010-2018

- Pada tahun 2018, kadar migrasi di Sarawak adalah 1.8% dengan jumlah 5,000 migran berbanding kadar migrasi 1.0% dengan 2,500 migran pada tahun 2010.
- Kadar migrasi di Sarawak berada pada paras tertinggi iaitu 5.2% pada tahun 2011 dan terus mencatatkan penurunan sehingga tahun 2018.


Sumber: Buku Perangkaan Tahunan Sarawak 2001,2011,2019
Laporan Penyiasatan Migrasi 2010-2018

PERUMAHAN


BILANGAN TEMPAT KEDIAMAN (TK)

Unjuran 2020 menunjukkan jumlah tempat kediaman di Sarawak adalah **697.6 ribu** berbanding 594.5 ribu pada tahun 2010 (Banci Penduduk dan Perumahan 2010) dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak **1.6%**.

BILANGAN TEMPAT KEDIAMAN



TEMPAT KEDIAMAN MENGIKUT BAHAGIAN²



Rajah 2: Tempat Kediaman Mengikut Bahagian

- 3 Bahagian menyumbang sebanyak 56% tempat kediaman di Sarawak iaitu Bahagian Kuching, Miri dan SibU. Bahagian Kuching mencatatkan jumlah tempat kediaman tertinggi iaitu sebanyak 202.0 ribu (29%) tempat kediaman;
- Seterusnya, 5 Daerah merekodkan bilangan tempat kediaman tertinggi di Negeri Sarawak iaitu Daerah Kuching, Miri, SibU, Bintulu dan Samarahan.
- Lebih 25% tempat kediaman berada di Daerah Kuching dan merekodkan bilangan tempat kediaman tertinggi di Negeri Sarawak dengan jumlah 179.3 ribu tempat kediaman.



60% tempat kediaman di Sarawak berada di Bandar dan 40% di Luar Bandar.

Sumber:

- Data 2020^P adalah unjuran berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (31 Daerah Pentadbiran).

Nota:

- ¹ Banci Perumahan terhadap kepada bandar-bandar utama sahaja;
- ² Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.


STOK PERUMAHAN




5,755,086

265,903

Pada suku tahun pertama 2020, stok perumahan ditawarkan di Negeri Sarawak adalah 265,903 unit (4.6%) berbanding Malaysia 5,755,086 unit.



	Teres	Berkembar	Sesebuah	Bandar	Kluster	Kos Rendah
	2,358,298	418,360	486,236	42,987	41,464	688,931
	145,183	44,351	11,066	1,128	1,045	26,458



	Flat Kos Rendah	Flat	Apartmen / Kondominium
	473,647	331,200	913,963
	8,244	5,598	22,830


Lebih 50% stok perumahan di Sarawak adalah dari jenis teres. Jenis kluster dan rumah bandar adalah stok perumahan paling kurang ditawarkan di Malaysia dan Sarawak. Manakala 13% dari stok perumahan di Sarawak adalah dari kos rendah, berbanding 20% stok perumahan di Malaysia



	4,036,276	1,718,810
	70%	30%
	229,231	36,672
	86%	14%

86% Stok perumahan di Negeri Sarawak adalah dari kategori kediaman bertanah (*landed*) dan hanya 14% stok perumahan di bawah kategori kediaman berbilang tingkat (*highrise*), berbanding Malaysia 30% di bawah kategori *highrise*.

Suku tahun pertama 2020 merekod kadar pertumbuhan stok perumahan di Sarawak lebih tinggi dari Malaysia iaitu 3.8% bagi Sarawak, manakala Malaysia meningkat pada kadar 2.6%, tren ini adalah sama seperti pada suku tahun pertama 2018.



Rajah 3: Kadar Pertumbuhan Stok Perumahan

Sumber : Laporan Stok Harta Tanah, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta



GUNA TENAGA

KONSEP TENAGA BURUH MALAYSIA



Umur Bekerja

Semua orang yang berumur 15 hingga 64 tahun, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.



Tenaga Buruh

Semua orang yang berada dalam kumpulan umur bekerja, sama ada bekerja atau menganggur.



Bekerja

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja sendiri, atau pekerja keluarga tanpa gaji.



Penganggur

Semua orang yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.




Luar Tenaga Buruh

Semua orang yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

BILANGAN TENAGA BURUH DAN KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

Tenaga buruh di Sarawak meningkat dengan purata pertumbuhan tahunan 2.5% antara tahun 1982 hingga 2019. Sejumlah 1,346.8 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2019 berbanding 539.7 ribu orang pada tahun 1982. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan tenaga buruh pada tahun 2019 adalah sebanyak 68.4 % berbanding 70.1 % yang direkodkan pada tahun 1982.

Bilangan Tenaga Buruh Dan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Sarawak, 1982-2019




Graf 8: Bilangan Tenaga Buruh dan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Sarawak, 1982-2019

Sumber: Data Siri Masa, Portal www.dosm.gov.my

BILANGAN PENDUDUK BEKERJA

Dalam tempoh 1982 hingga 2019, bilangan penduduk bekerja telah meningkat daripada 524.7 ribu pada tahun 1982 kepada 1,304.7 ribu pada tahun 2019. Struktur **penduduk bekerja mengikut umur** telah berubah. Penduduk bekerja dewasa (dalam umur 25 hingga 64 tahun) telah mencakupi 81.5% pada tahun 2019 berbanding 68. % pada tahun 1982. Manakala penduduk bekerja remaja (dalam umur 15 hingga 24 tahun) telah berkurangan daripada 31.4% pada tahun 1982 kepada 18.5% pada tahun 2019.

Bilangan Penduduk Bekerja Dan Peratusan Penduduk Bekerja Mengikut Kumpulan Umur, Sarawak, 1982-2019



Graf 9: Bilangan Penduduk Bekerja dan Peratusan Mengikut Kumpulan Umur, Sarawak 1982-2019

Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan terdiri daripada empat kategori taraf pekerjaan iaitu majikan, pekerja, bekerja sendiri dan pekerja keluarga tanpa gaji. Kategori pekerja mencatatkan peningkatan tertinggi dalam tempoh 37 tahun iaitu bermula 1982 hingga 2019 iaitu 712.3 ribu orang diikuti bekerja sendiri iaitu 86.2 ribu orang dan majikan 23.7 ribu orang. Pekerja keluarga tanpa gaji merekodkan penurunan iaitu 42.2 ribu orang.


Penduduk Bekerja Mengikut Taraf Pekerjaan, Sarawak, 1982 dan 2019

Tahun	Pekerja	Bekerja Sendiri	Majikan	Pekerja Keluarga
1982	227.4 ribu	137.7 ribu	9.6 ribu	150.1 ribu
2019	939.7 ribu	223.9 ribu	33.3 ribu	107.9 ribu

Sumber: Data Siri Masa, Portal www.dosm.gov.my


Penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan turut menunjukkan semakin ramai penduduk bekerja di Sarawak mempunyai pencapaian pendidikan menengah dan tertiar. Dalam tempoh 1982 hingga 2019, penduduk bekerja yang mempunyai pencapaian pendidikan menengah telah meningkat sebanyak 613.0 ribu orang, diikuti pendidikan tertiar, 268.6 ribu orang dan pendidikan rendah, 38.2 ribu orang. Manakala bagi penduduk bekerja yang tiada pendidikan rasmi, telah berkurangan sebanyak 139.8 ribu orang.

Penduduk Bekerja Mengikut Pencapaian Pendidikan, Sarawak, 1982 dan 2019



KADAR PENGANGGURAN

Bilangan Penganggur Dan Kadar Pengangguran Sarawak, 1982-2019




Graf 10: Bilangan Penganggur dan Kadar Pengangguran Sarawak, 1982-2019

Sejak dari zaman 80-an dan 90-an, kadar pengangguran di Sarawak adalah melebihi 4.0%, kecuali pada tahun 1982 dan 1997. Kadar pengangguran adalah tinggi (melebihi 9.0%) antara tahun 1986-1990 dan kadar tertinggi dicatatkan 10.3 % pada tahun 1988. Keadaan pengangguran telah beransur pulih mulai tahun 2015. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran meningkat semula dalam lingkungan 5.0% pada tahun 1998 dan 2008 kesan daripada kemelesetan ekonomi. Mulai tahun 2012, kadar pengangguran di Sarawak adalah di bawah paras 4.0 %. Ini menunjukkan bahawa ekonomi di Sarawak masih dapat dikekalkan dalam keadaan guna tenaga penuh.

Sumber: Data Siri Masa, portal www.dosm.gov.my

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH

Nilai Penengah dan Purata bagi Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan 2009 sehingga 2019



PENDAPATAN ISI RUMAH

Pendapatan isi rumah kasar bulanan dinilai berdasarkan nilai penengah dan purata.

Pendapatan penengah merujuk kepada nilai pertengahan apabila pendapatan disusun secara menaik dari nilai terendah kepada nilai tertinggi.


Pendapatan purata pula merujuk kepada nilai yang diperoleh apabila semua pendapatan dijumlahkan dan dibahagi dengan bilangan isi rumah.

Graf 11: Penengah dan Purata Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan 2009-2019

Pada tahun 2009, pendapatan purata di Sarawak adalah RM3,581. Bermula tahun 2012, kadar pertumbuhan tahunan pendapatan purata di Sarawak mencatatkan pertumbuhan yang perlahan dengan nilai 10.7% pada tahun 2012, 4.9% (2014) dan 2.9% (2019)

Peningkatan nilai penengah yang direkodkan menjelaskan 50 peratus daripada isi rumah di Sarawak memperoleh pendapatan RM2,394 pada tahun 2009 dan nilai ini meningkat kepada RM3,047 (2012), RM3,778 (2014), RM4,163 (2016) dan RM4,544 pada tahun 2019.

Peratusan Pendapatan Isi Rumah Mengikut Kumpulan Isi Rumah 2016 dan 2019



Graf 12: Peratusan Pendapatan Isi Rumah Mengikut Kumpulan, 2016 & 2019

Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 & 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Data yang digunakan merujuk kepada 31 Daerah Pentadbiran; Lain-lain daerah termasuk Sri Aman, Limbang, Sarikei, Bau, Marudi, Betong, Lawas, Mukah, Lundu, Saratok, Kapit, Simunjan, Asajaya, Maradong, Belaga, Daro, Kanowit, Matu, Dalat, Tatau, Selangau, Julau, Lubok Antu, Song, Pakan


Daerah Kuching merupakan daerah yang mempunyai peratusan tertinggi kumpulan isi rumah T20 pada tahun 2016 (34.3%) dan 2019 (38.5%). Manakala, daerah Miri dan Bintulu mencatatkan peratusan kedua dan ketiga tertinggi di Sarawak.

Bagi kumpulan isi rumah M40, daerah Kuching masih merekodkan peratusan pendapatan isi rumah tertinggi bagi tahun 2016 (30%) dan sedikit penurunan peratusan pada tahun 2019 (29.1%).

Pada kedua-dua tahun 2016 dan 2019, bagi kumpulan isi rumah B40, daerah Kuching mencatatkan peratusan 19.15% pada tahun 2016 dan 17.4% pada tahun 2019 diikuti daerah Sibu dengan 11% (2016) dan 8.5% (2019).

PERBELANJAAN ISI RUMAH

Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Kumpulan Utama (2004-2019)



Graf 13: Komposisi Perbelanjaan Penggunaan isi Rumah Purata Mengikut Kumpulan Utama (2004-2019)

Sumber: Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2004/2005, 2009/2010, 2014, 2016 & 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Corak perbelanjaan isi rumah di Sarawak menunjukkan kumpulan barangan asas mendominasi perbelanjaan isi rumah. Merujuk kepada graf kawasan 3D, empat kumpulan perbelanjaan tertinggi ialah kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api; Makanan & minuman bukan alkohol; Restoran & hotel; dan Pengangkutan dengan perbelanjaan sejumlah 69.4% pada 2019 berbanding 70.5% pada 2016. Data dicerap sejak tahun 2009, di mana empat kumpulan ini menunjukkan peningkatan perbelanjaan yang ketara dari tahun ke tahun.


Kumpulan Pakaian & kasut meningkat kepada 3.2% pada tahun 2019 berbanding 2.8% pada tahun 2016, Komunikasi, Kesihatan, dan Pendidikan turut menunjukkan peningkatan namun dalam kadar yang perlahan sejak tahun 2009 sehingga tahun 2019.

Manakala, kumpulan selebihnya iaitu kumpulan Minuman alkohol & tembakau, Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah, Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan, dan Pelbagai barangan & perkhidmatan juga menunjukkan peningkatan tidak terlalu ketara dari tahun ke tahun.

PENDIDIKAN: KADAR LITERASI

- Literasi merujuk kepada penduduk berumur 10 tahun dan lebih yang pernah bersekolah merangkumi kategori masih bersekolah dan tamat persekolahan.
- Kadar literasi bagi warganegara Malaysia berumur 10 – 64 tahun di Malaysia adalah **97.3%** pada tahun 2010 berbanding **93.5%** pada tahun 2000.
- Sarawak mencatatkan kadar literasi paling rendah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia pada tahun 2000 dan 2010 iaitu masing-masing **85.0%** dan **92.6%**.

Kadar Literasi bagi warganegara Malaysia berumur 10-64 tahun




Graf 14 : Kadar Literasi 2010 & 2000

PENDIDIKAN TERTINGGI YANG DICAPAI


- Peringkat pendidikan tertinggi yang dicapai merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan persekolahan atau masih bersekolah atau menuntut di institusi pendidikan rasmi awam ataupun swasta.
- Pendidikan tinggi** termasuklah lepasan menengah, maktab/ kolej atau universiti.
- Di Sarawak, warganegara Malaysia berumur 20 tahun ke atas pernah bersekolah seramai 1,150,115 orang pada tahun 2010 dan 819,128 orang pada tahun 2000.
- Dalam kategori tersebut, peratusan mereka yang mempunyai **pendidikan tinggi** meningkat daripada **11%** pada tahun 2000 kepada **12%** iaitu 139,085 orang pada tahun 2010.
- Data menunjukkan ada peningkatan peratusan wanita yang mempunyai pendidikan tinggi kepada **13%** pada tahun 2010 berbanding **11%** pada tahun 2000.

Warganegara Malaysia berumur 20 tahun ke atas pernah bersekolah, Sarawak



Graf 15 : Warganegara Malaysia berumur 20 tahun ke atas pernah bersekolah, Sarawak

Peratusan Warganegara Malaysia berumur 20 tahun dan lebih yang pernah bersekolah mempunyai pendidikan tinggi di Sarawak



Graf 16 : Warganegara Malaysia berumur 20 tahun ke atas pernah bersekolah, Sarawak


Sumber:

Laporan Ciri-ciri Pendidikan dan Sosial Penduduk 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia

Laporan Ciri-ciri Pendidikan dan Sosial Penduduk 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia

BILANGAN SEKOLAH DAN GURU DI SARAWAK


Bilangan Sekolah di Sarawak



Graf 17 : Bilangan Sekolah di Sarawak

- Sekolah adalah termasuk sekolah kerajaan, bantuan kerajaan & swasta.
- Terdapat sebanyak **1,272** buah sekolah rendah dan **208** buah sekolah menengah pada tahun 2018.
- Bilangan sekolah rendah tidak menunjukkan pertambahan, manakala sekolah menengah bertambah 16 buah berbanding tahun 2010.
- Bagi bilangan guru sekolah rendah dan menengah, terdapat **pertambahan** sebanyak **4%** (1,565 orang) pada tahun 2018 berbanding dengan tahun 2010, dengan masing-masing guru sekolah rendah 886 orang dan guru sekolah menengah 679 orang.

Bilangan Guru Sekolah di Sarawak




Graf 18 : Bilangan Guru Sekolah di Sarawak

BILANGAN PELAJAR SEKOLAH DI SARAWAK

- Pelajar sekolah adalah termasuk pelajar sekolah kerajaan, bantuan kerajaan & swasta.
- Pada tahun 2018, bilangan pelajar sekolah di Sarawak adalah seramai 479,296 orang dengan **57%** pelajar sekolah terdiri daripada pelajar sekolah rendah.
- Bilangan pelajar berkurang **5%** (24,687 orang) berbanding tahun 2010 yang berjumlah 503,983 orang. Pengurangan pelajar berlaku pada kedua-dua pelajar sekolah rendah dan menengah.
- Situasi ini selari dengan pengurangan pada struktur umur muda dan kadar kelahiran kasar di Sarawak.

Bilangan Pelajar Sekolah di Sarawak




Graf 19 : Bilangan Pelajar Sekolah di Sarawak

Sumber:
Jabatan Pendidikan Sarawak
Buku Tahunan Perangkaan Sarawak

Bilangan Hospital dan Klinik Kerajaan di Sarawak, 2018


Rajah 4: Bilangan Hospital dan Klinik Kerajaan di Sarawak, 2018



Nota: Klinik (Termasuk Klinik Kesihatan, Klinik Desa, Klinik 1Malaysia, KKIA dan Klinik Bergerak)
Klinik Pergigian (Termasuk awam, sekolah, bergerak & pasukan pergigian bergerak)

- Sumber:
- Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
 - Buku Tahunan Perangkaan Sarawak, 2018

Bilangan Katil di Hospital dan Klinik Kerajaan di Sarawak, 2018



Graf 20 : Bilangan Katil di Hospital dan Klinik Kerajaan di Sarawak, 2018

Bilangan katil bagi 21 buah hospital daerah di Sarawak pada tahun 2018 merekodkan jumlah tertinggi sebanyak 2,723 buah katil dengan peningkatan tahunan sebanyak 1.9% berbanding 2,671 buah pada tahun 2017. Bilangan katil hospital umum juga mencatatkan pertambahan sebanyak 1.0% kepada 1,005 buah (2018) berbanding 995 buah (2017). Sementara itu, jumlah katil bagi klinik dan institusi khas masing-masing kekal sebanyak 633 dan 338 buah pada tahun 2017 dan 2018.




Sumber:

1. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
2. Buku Tahunan Perangkaan Sarawak, 2018




5 Sebab Kematian Utama di Sarawak, 2018



Rajah 6: 5 Sebab Kematian Utama di Sarawak, 2018

Penyakit *ischaemic heart diseases* mencatatkan peratusan tertinggi bagi punca kematian yang disahkan secara perubatan di Sarawak bagi tahun 2018 iaitu 9.4%. Ini diikuti oleh *pneumonia* sebanyak 8.2 % dan *cerebrovaskular diseases* sebanyak 7.6%. *Other heart diseases* berada pada kedudukan keempat tertinggi punca kematian iaitu sebanyak 6.2% dan *remainder of diseases of the respiratory system* merekodkan kedudukan kelima dengan 4.4%.

Bilangan Anggota Perubatan yang Berdaftar di Sarawak, 2018



Graf 21 : Bilangan Anggota Perubatan yang Berdaftar di Sarawak, 2018

Sumber:

- Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Buku Tahunan Perangkaan Sarawak, 2018

Nota: ¹ Merujuk kepada doktor kerajaan dan swasta

² Merujuk kepada Jururawat, Jururawat Pergigian dan Jururawat Masyarakat

Pada tahun 2018 bilangan doktor meningkat sebanyak 18.2% kepada 4,109 orang (2017: 3,475 orang). Doktor pergigian turut menunjukkan peningkatan daripada 476 orang kepada 477 atau 0.2%. Bagi pembantu perubatan juga merekodkan peningkatan jumlah anggota sebanyak 5.4% kepada 1,808 orang berbanding 1,715 orang pada 2017. Berbeza dengan anggota Jururawat yang mencatatkan penurunan sebanyak 2.2% kepada 8,568 orang (2017:8,762 orang).

